

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA**

**TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha yang diambil oleh Kementerian dalam menaik taraf pelabuhan Kemaman supaya setanding dengan pelabuhan utama negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan (MOT), melalui Lembaga Pelabuhan Kemaman (LPKmn) telah merangka pelan jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang dalam menaiktaraf keperluan kendalian kargo di Pelabuhan Kemaman.
2. Bagi pelan jangka pendek, langkah yang telah diambil ialah :
  - a. Pemasangan dua unit kren *gantry* di Dermaga Timur Pelabuhan Kemaman yang telah mula beroperasi pada April 2024;
  - b. Pemasangan satu unit '*Tubular Conveyor Belt*' (TCB) sepanjang 8.1 kilometer dari Pelabuhan Kemaman ke kilang Eastern Steel Sdn. Bhd. (ESSB) untuk mengangkut bahan mentah bijih besi dan arang batu. Pemasangan TCB ini dapat mempercepatkan tempoh pengangkutan, mengurangkan kesesakan jalanraya dan mengurangkan pencemaran alam sekitar. TCB ini telah mula beroperasi pada April 2024; dan
  - c. Memindahkan sebahagian operasi kendalian kargo dari Dermaga Timur ke Dermaga Barat bagi mengurangkan kesesakan yang telah bermula pada Februari 2024.
3. Hasil daripada usaha pelan jangka pendek yang telah dilaksanakan ini, pengendalian kargo di Pelabuhan Kemaman sehingga September 2024 telah meningkat 34% berbanding tempoh yang sama tahun lalu.
4. Bagi pelan jangka sederhana, 4 unit kren lagi akan dipasang di Dermaga Timur Pelabuhan Kemaman iaitu 2 unit '*Level Luffing Crane*' (LLC) pada sekitar akhir tahun 2025 dan 2 unit LLC lagi pada sekitar pertengahan tahun 2026 menjadikan jumlah keseluruhan kren sebanyak 6 unit. Pelaksanaan ini akan menyumbang kepada peningkatan kapasiti

**NO SOALAN: 19**

maksimum pengendalian kargo sehingga 12 juta tan berbanding 4 juta tan sebelum ini.

5. Bagi pelan jangka panjang, LPKmn dan pengendali Pelabuhan Kemaman, Konsortium Pelabuhan Kemaman Sdn. Bhd. (KPKSB) sedang dalam proses akhir untuk menyiapkan kertas cadangan Pelan Pembesaran Pelabuhan Kemaman yang dijangka akan dikemukakan kepada pihak MOT pada suku tahun pertama 2025.

Sekian, terima kasih.